

# Sultan Johor disambut meriah di Sri Gading

UM  
9/8/2010  
m/s/c

BATU PAHAT 8 Ogos – Kembara Mahkota Johor (KMJ) Fasa 2 diketuai Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang bermotosikal berkuasa tinggi disambut meriah sebaik sahaja tiba di Loji Rawatan Air Sri Gading dekat sini kira-kira pukul 12.30 tengah hari semalam.

Sepanjang jalan rakyat memegang bendera Johor menunggu ketibaan Sultan Ibrahim dengan penuh rasa teruja untuk melihat wajah baginda secara dekat.

Baginda yang diiringi Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibrahim dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abd. Latiff Yusof turut disambut oleh wakil rakyat dan pemimpin masyarakat.

Baginda kemudian dibawa melihat bagaimana Loji Rawatan Air Sri Gading berfungsi dan penerangan mengenai operasinya oleh Pengerusi Syarikat Air Johor (SAJ) Holdings, Tan Sri Hamdan Mohamed.

Loji berkenaan terletak kira-kira 11 kilometer dari pusat bandar menghala ke Pekan Ayer Hitam dan beroperasi sejak 1998 dengan keupayaan pengeluaran 45 juta liter air sehari.

Setelah kerja menaik taraf siap November 2004, keupayaan pengeluaran loji berkenaan meningkat kepada 72 juta liter sehari.

Sultan Ibrahim turut mencemar duli menanam pokok jambul merak di pekarangan pejabat loji berkenaan sebagai tanda kenangan sebelum berlepas ke Muar selepas santapan tengah hari.